

MJ IB NAK

▼27/12/23-30MST

CNS7547

R GB 27-12 00144 BH670

BAH

PM - Anugerah

MAHATHIR MAHU MALAYSIA JADI ANTARA NEGARA TERBAIK

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama).-- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan seluruh tenaga, pemikiran, strategi baru dan pengorbanan ditumpukan ke arah menjadikan Malaysia nombor satu dalam semua bidang.

"Kita kini sedang melangkah memasuki abad ke-21 yang penuh cabaran, persaingan dan kemungkinan baru. Kekuatan ekonomi, ketenteraan dan teknologi canggih akan menentukan kedudukan negara dalam hubungan sejagat," katanya.

Dr Mahathir berkata cita-cita itu bukan satu utopia (yang tidak mungkin dapat dilaksanakan), propaganda dan sorak-sorai budaya kualiti sahaja, tetapi suatu hakikat untuk mengangkat martabat bangsa.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1993, di sini.

"Hanya bangsa yang berjiwa besar boleh menangani persoalan abad ke-21 dengan jayanya," tegas Dr Mahathir. -- Lagi

▼27/12/23-30MST

CNS7549

R GB 27-12 00164 BH671

BAH

PM - Anugerah 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, setiap lapisan pekerja di sektor awam, swasta dan sosial wajar mengamalkan nilai-nilai budaya kerja cemerlang bagi menghasilkan input, proses hasil pengeluaran dan hasil berkualiti tinggi.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1993 kepada Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) bagi sektor awam, SGS Thomson Mikro Elektronik bagi sektor swasta dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Berhad bagi sektor sosial.

SIRIM diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, SGS Thomson Mikro Elektronik diwakili Pengurus Besar, Encik Ugineo Re dan Koperasi ATM Berhad diwakili Pengerusinya, Brig-Jen Abdul Aziz Mansor. Pemenang anugerah bagi setiap sektor menerima trofi Anugerah Kualiti Perdana Menteri, wang tunai sebanyak RM30,000, sijil penghargaan dan kebenaran menggunakan lambang 'Q' selama tiga tahun pada sesuatu produk. Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Belia dan Sukan, Haji Abdul Ghani Othman. -- Bernama

MGM NAK

▼27/12/23-30MST